

① UMNO tidak berniat bertapak di Sarawak – PM

KUCHING 22 Mei — Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini berkata, UMNO tidak ada niat untuk bertapak di Sarawak.

Beliau menjelaskan, UMNO masuk ke Sabah kerana pada masa pilihanraya umum yang lalu, Parti Bersatu Sabah (PBS) telah menikam Barisan Nasional (BN) dari belakang dan menjadikan parti-parti komponen yang lain lemah.

Perdana Menteri berkata, penduduk Sabah telah lama mendesak supaya UMNO dikembangkan ke Sabah tetapi UMNO menolak kerana yakin parti-parti BN yang lain dapat memimpin negeri itu

dengan baik.

UM 23 MAY 1991
Beliau berkata demikian semasa ditanya tentang kemungkinan UMNO mengembangkan pengaruhnya ke Sarawak, seperti yang dilakukan di Sabah.

"Menurut Dato' Sri Dr. Mahathir, dalam kes Sarawak, kemasukan UMNO hanya akan menyebabkan berlakunya perpecahan di negeri itu, lagipun di sini keadaan parti-parti BN begitu kukuh serta kepentingan yang menjadi tumpuan UMNO telah mendapat perhatian parti pemerintah sekarang dengan matlamat yang sama," ujarnya.